

**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SMES
(AIJBES)**www.aijbes.com**IMPAK PANDEMIK COVID-19 KEPADA GOLONGAN WANITA
BEKERJAYA: SATU SOROTAN RINGKAS***THE IMPACT OF COVID 19 TO WORKING WOMEN: A BRIEF REVIEW*

Nang Naemah Nik Dahalan^{1*}, Izzah Nur Aida Zur Raffar², Mariam Farhana Md Nasir³, Hamidah Jalani⁴, Nor Adina Abdul Kadir⁵, Sarah Dina Mohd Adnan⁶

^{1,2,3,4,5,6} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

Email: nangnaemah@uitm.edu.my, izzahnur@uitm.edu.my, mariamfarhana@uitm.edu.my, hamidahjalani@uitm.edu.my, noradina@uitm.edu.my, sarahdina@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.06.2023

Revised date: 10.07.2023

Accepted date: 28.08.2023

Published date: 19.09.2023

To cite this document:

Nik Dahalan, N. N., Zur Raffar, I. N. A., Md Nasir, M. F., Jalani, H., Kadir, N. A. A., & Adnan, S. D. M. (2023). Impak Pandemik Covid-19 Kepada Golongan Wanita Bekerjaya: Satu Sorotan Ringkas. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 5 (17), 01-09.

DOI: 10.35631/AJBES.517001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Abstrak:**

Pandemik Covid-19 yang berlaku pada Mac 2020 telah membawa satu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat dunia umumnya dan masyarakat Malaysia khususnya. Ianya bermula di wilayah Wuhan, China telah merebak dalam jangka masa yang pantas di seluruh dunia. Penularan wabak ini telah menyebabkan perubahan besar aktiviti manusia dalam sektor kerjaya, pendidikan, ekonomi, perlancongan dan banyak lagi. Bagi membendung penularan wabak ini, maka pihak kerajaan Malaysia telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) kepada semua. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerjaya ini dalam tempoh pandemik. Kaedah yang dipilih adalah kajian kualitatif melalui laporan-laporan dari pelbagai pihak. Skop masa yang dipilih adalah bermula dari tahun 2020 sehingga 2022. Hasil kajian mendedahkan banyak impak yang telah dihadapi oleh kaum wanita yang bekerjaya semasa tempoh ini.

Kata Kunci:

Impak Pandemik, Covid-19, Wanita Bekerjaya

Abstract:

The Covid-19 pandemic that occurred in March 2020 has brought about a major change in the lives of the world community in general and the Malaysian community in particular. It started in the province of Wuhan, China and has spread rapidly throughout the world. The spread of this

epidemic has caused major changes in human activities in the career, education, economic, tourism and more sectors. In order to stop the spread of this epidemic, the Malaysian government has implemented a movement control order (MCO) for everyone. This study aims to examine the challenges faced by these working women during the pandemic period. The chosen method is a qualitative study through reports from various parties. The time scope chosen is from 2020 to 2022. The results of the study reveal many impacts that have been faced by working women during this period.

Keywords:

Pandemic Impact, Covid-19, Working Women

Pengenalan

Bermula pada 18 Mac 2020 negara Malaysia telah mengisytiharkan pelaksanaan *Movement Control Order* (MCO) kepada seluruh penduduknya. Hal ini secara tidak langsung telah mengubah norma kehidupan seharian. Perintah pelaksanaan ini bertujuan untuk mengekang wabak Covid-19 daripada merebak dan menjad(Majid, 2020)i lebih buruk. Pandemik COVID-19 juga telah mencatat lebih dari 42 juta kes di seluruh dunia dan angka kematian sehingga kini telah melangkaui 15 juta orang (Berita Harian, 2022). Selain dari kehilangan nyawa dan kesihatan manusia, pandemik COVID-19 turut mempengaruhi ekonomi global.

Di Malaysia khasnya, pandemik COVID-19 telah memberi perubahan yang besar dalam aspek politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara ini (Abdul Rashid Abdul Aziz et al., 2020). Impak wabak ini juga turut melibatkan aspek kesihatan mental. Hal ini kerana mungkin disebabkan oleh situasi pemotongan gaji oleh majikan dan juga kadar pengangguran yang meningkat disebabkan kehilangan mata pencarian. Sebanyak 10 peratus pekerja telah kehilangan pekerjaan manakala tujuh peratus pekerja telah meninggalkan pekerjaan mereka (Isabelle Leong, 2021).

Kini, kita melihat peranan wanita yang sangat berbeza berbanding masa lalu. Peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh wanita telah diiktiraf oleh masyarakat sekeliling. Hal ini kerana, kaum wanita mula menunjukkan kebolehan mereka setanding dengan kaum lelaki. Wanita telah mempunyai kerjaya masing-masing bahkan turut sama bergelar pakar di dalam bidang kerjaya mereka itu. Tuntutan sebagai pekerja telah mengikat mereka untuk melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya. Walaupun sibuk dengan kerjaya, tanggungjawab mereka kepada keluarga juga tidak diabaikan dan ini merupakan suatu cabaran yang besar yang digalas oleh mereka.

Bagi memenuhi penulisan ini, kaedah pengumpulan data telah digunakan. Pelbagai sumber telah dirujuk melalui bahan-bahan dari penulisan artikel jurnal, majalah dan juga dari buku-buku yang berkaitan. Selain itu, pencarian bahan melalui laman sesawang juga banyak membantu dalam melengkapkan penulisan ini.

Kedudukan Pendidikan Wanita Dalam Masyarakat Melayu

Datangnya Islam ke Alam Melayu seawal kurun ke 7 Masihi telah membawa satu bentuk perubahan baru dalam aspek kepercayaan. Kepercayaan berbentuk animisme dan Hindu Buddha secara tidak langsung telah bertukar kepada ajaran agama Islam. Kesyumulan Islam ini telah menarik minat penduduk Alam Melayu untuk berpegang kepadanya.

Pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam membentuk kerjaya seorang wanita. Kepentingan pendidikan telah dapat dilihat semenjak dari zaman kesultanan Melayu Melaka lagi (Arba'iyah Mohd Nor, 2012). Islam telah memberikan peluang yang secukupnya kepada kaum wanita untuk memperoleh pendidikan supaya dapat memberi manfaat kepada mereka dalam kehidupan. Bahkan, pada awal abad ke-20 majalah Lembaran Guru seringkali berkongsi pandangan tentang kepentingan pendidikan kepada kaum wanita. Hak ini membolehkan kaum wanita mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di masa hadapan.

'Tidakkah ingin tuan-tuan hendak mencuba, mengubah keadaan kita yang amat rendah dan daif di mata dan hati kaum lelaki? Mustahil kita dapat keluar daripada penjara kehinaan itu melainkan kita memiliki ilmu yang sebenar dan yang bersetuju dengan kefardhuan kita perempuan serta kita tunaikan kewajipan kita dengan segeranya' (Lembaran Guru, 1926).

'Banyaklah jika kita terangkan pula yang kanak-kanak lelaki itu bakal menjadi guru-guru, kerana, pegawai, peguam, hakim, engineer ... Mengapa! Tidakkah kanak-kanak perempuan itu layak dan mampu menjadi bakal penjawat jawatan yang tersebut? Apa yang menegah mereka daripada mencapai kemuliaan itu? Ya tidak lain lagi sebabnya ialah kerana memang tidak dilatih diajar mereka itu akan segala perkara itu dan tidak diambil berat sedikit pun oleh pihak yang berkuasa ke atas pelajaran anak-anak perempuannya oleh sebab tidak dikehendakkan mereka itu menjawat pekerjaan-pekerjaan yang tersebut kerana ia telah dikhaskan untuk anak lelaki sahaja dan anak perempuan memadailah atau jadilah untuk bakal penunggu atau mata-mata di dapur' (Lembaran Guru, 1927).

Selain daripada majalah Lembaran Guru, terdapat beberapa penulisan lain yang menekankan kepada pendidikan kepada kaum wanita sepertimana yang telah ditulis di dalam majalah Bulan Melayu, al-Iman, Bahtera dan Kencana. Kebanyakannya dari penulisan-penulisan tersebut mendesak pemikiran supaya kaum wanita adalah berpendidikan supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus kemodenan.

Pendeta Za'ba (1952) di dalam Ilmu Mengarang Melayu telah menyatakan tentang kewajipan menuntut ilmu untuk semua tidak kita kepada lelaki mahupun wanita. "... *pelajaran itu amat wajibnya bagi kemajuan dan keselamatan kaum Melayu. ...Perempuan-perempuan itu sangat patut bahkan wajib juga diberi pelajaran sebagaimana laki-laki; kerana mereka itupun manusia juga dan sama-sama ada hak mendapat pelajaran dan pengetahuan seperti laki-laki.*"

Sebagai seorang wanita bekerjaya, peranan lain yang tidak akan terlepas adalah mereka turut terikat dengan peranan utama sebagai seorang isteri dan ibu (Nang Naemah Nik Dahalan, 2015). Isteri dan ibu yang akan mencorakkan kehidupan sebuah keluarga yang sempurna. Oleh itu, adalah perlu untuk seorang wanita menyeimbangkan peranan mereka di tempat kerja dan di rumah. Peranan tradisi wanita Melayu bukanlah di dalam aspek pengurusan rumah tangga sahaja. Selain itu, mereka juga banyak menyumbang dalam aktiviti ekonomi. Dalam sektor penanaman padi, yang merupakan kegiatan sara diri masyarakat pada ketika itu, kaum wanita banyak membantu di sawah-sawah. (Durrisah Idrus, 1993) telah memetik kata-kata J.M. Gullick;

"The paddy crops are being gathered in by the women. Young and old, the men quietly looking on, chewing betel"

Azizah Kassim (1985) telah menulis “sambil mengepit bayi, wanita menumbuk padi, sambil mencangkul tanah menyediakan tapak untuk berkebun sayur, anak didukung di belakang, diikat dengan kain ke tubuh”. Aktiviti lain yang biasa dilakukan oleh mereka adalah seperti membuat jala dan bubu ikan, membuat atap mengkuang, berkebun, menganyam tikar, menjual telur dan sayur (Hing Ai Yun & Rokiah Talib, 1986). Kaum wanita terutamanya di Pantai Timur memberi sumbangan besar dalam aspek ekonomi mereka. Hal ini dilihat melalui keterlibatan mereka di Pasar Siti Khadijah di Kelantan dan juga di Pasar Payang di Terengganu. Ketika era Kesultanan Melayu Melaka juga kaum wanita banyak memberikan sumbangan dalam aspek pertanian, perniagaan dan juga pelayaran (Khasnor Johan, 1999).

Jelaslah bahawa Islam tidak membelakangkan hak kaum wanita dalam menuntut ilmu. Peranan kaum wanita bukanlah hanya menumpukan kepada aspek rumahtangga semata, bahkan mereka turut terlibat menyumbang tenaga dalam pengurusan kerja. Mereka bukan hanya berperanan sebagai ibu dan isteri malah juga sebagai pekerja dan majikan. Hasil dari pendidikan yang diterima telah merubah status dan corak kehidupan kaum wanita.

Wanita Dan Kerjaya Dari Perspektif Islam

Kaum wanita di Malaysia yang mempunyai pendidikan tinggi secara tidak langsung akan melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Mereka merupakan insan yang berperanan penting di dalam institusi keluarga, komuniti dan juga negara ('Adawiyah Ismail dan Salasih Hanin Hamjah, 2012). Dalam urusan rumah tangga, kaum wanita tidak terlepas dari urusan seperti memasak, mengemas rumah, menjahit dan banyak lagi. Oleh itu komitmen terhadap keluarga dan kerjaya perlulah diseimbangkan dengan baik. Islam tidak meletakkan larangan untuk kaum wanita bekerja. Maka jelaslah bahawa penyertaan kaum wanita di dalam sektor pekerjaan ini tidak sedikitpun mengurangkan tanggungjawab dan peranan mereka yang telah ditetapkan sebagai seorang ibu, isteri dan pengurus rumah tangga.

Terdapat beberapa kriteria dalam membolehkan kaum wanita untuk bekerja. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan antara beberapa syarat yang membolehkan kaum wanita bekerja ialah pekerjaan itu merupakan pekerjaan yang mengikut syarak, sentiasa menjaga adab sebagai wanita Muslimah semasa keluar bekerja dan jangan mengabaikan pekerjaan-pekerjaan yang lain (ADMIN PMPW, 2019; Fatimah Ali, 1996) telah menulis mengenai beberapa syarat untuk kaum wanita bekerja iaitu seperti menutup aurat, aman daripada fitnah, mendapat keizinan suami atau walinya, waktunya tidak dihabiskan untuk bekerja semata dan pekerjaannya tidak mengatasi kaum lelaki.

Allah telah berfirman di dalam surah an-Nisa' ayat 32 yang bermaksud “*Janganlah kamu berharap ingin mendapat limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian daripada kamu; kerana orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan*”. Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa kaum wanita juga mempunyai akan mendapat faedah di atas apa yang mereka usahakan. Bahkan, berkerja merupakan tabiat manusia yang semulajadi ada di dalam dirinya (Adawiyah Ismail & Salasih Hanin Hamjah, 2012).

Terdapat sesetengah kerjaya yang sangat memerlukan kaum wanita untuk mengisinya (Nur Hidayah Muhamad Johari, n.d.). Antaranya seperti jururawat, doktor pakar wanita, pendidik dan lain-lain. Hal ini kerana kaum wanita akan lebih selesa untuk menggunakan khidmat-khidmat mereka tanpa rasa malu. Islam sangat menyukai hambanya yang mempraktikkan ilmu

yang telah dituntut untuk kebaikan bersama. Sabda Rasulullah yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah SWT senang terhadap mukmin yang bekerja*”.

Antara beberapa faktor lain yang mendorong wanita untuk keluar bekerja ialah mereka mempunyai kelayakan akademik, cubaan untuk membantu kewangan suami, mahu berkhidmat untuk masyarakat, untuk memuaskan diri sendiri, untuk meluaskan pergaulan, jaminan hidup pada masa depan sekiranya berlaku sesuatu musibah

Cabaran Wanita Bekerjaya Era Pandemik

Wanita terdiri daripada hampir separuh dari penduduk Malaysia. Mereka bukanlah hanya sebagai isteri dan ibu, bahkan juga sebagai pekerja yang dalam ekonomi keluarga. Wanita Malaysia telah mencipta fenomena baru melalui penyertaan mereka di dalam pekerjaan. Ini kerana terdapat peningkatan bilangan wanita dalam sektor kerajaan seperti yang telah dinyatakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Haryana Rozana Abdul Rahim, 2015; Tracy Soidi & Agnis Sombuling, 2016). Oleh itu jelaslah bahawa wanita Malaysia semakin maju ke hadapan dan mereka juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya di dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Pada ketika ini cabaran wanita bekerjaya telah jauh berubah. Persoalannya bagaimanakah mereka menyeimbangkan antara kerja dan keluarga mereka. Kebanyakan wanita pada ketika ini telah mempunyai kerjaya impian dan menjadi seorang yang pakar dalam bidang masing-masing. Oleh itu, adalah menjadi satu cabaran kepada kaum wanita bagi memastikan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan kerjaya dapat dilaksanakan. Dari aspek ekonomi, seorang wanita terpaksa bekerja bagi membantu menambahkan pendapatan suaminya. Hal ini kerana seiring dengan pergerakan zaman, maka perbelanjaan untuk seisi keluarga juga makin bertambah (Noor Rahamah Abu Bakar, 2012; Azizan Zaiduddin & Kartini Khalid @ Aboo Talib, 2018). Dalam bidang politik, ‘suara’ dari kaum wanita sangat diperlukan untuk dibawa ke peringkat atasan bagi membangunkan kaum wanita dalam segenap aspek.

Pada tahun 1976, telah ditubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) bagi melaksanakan pelan tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan negara. Oleh itu, bagi mengawasi dan menilai perkhidmatan yang dibekalkan oleh kaum wanita maka ditubuhkan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) pada tahun 1983 (Jamaliah Jaafar, 2020). Penyertaan wanita di dalam pekerjaan telah meningkat dengan banyaknya di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kepada tenaga kerja wanita. Ada dalam kalangan mereka terpaksa berhenti kerja ataupun diberhentikan (Nina Muslim, 2022). Menurut Datuk Dr Madeline Berma ramai kaum wanita yang terpaksa berhenti kerja kerana membesarkan anak dan juga menjaga ahli keluarga mereka. Mereka tidak dapat kembali bekerja kerana kesukaran mendapatkan pusat penjagaan yang bersesuaian.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menyatakan bahawa kesan langsung pandemik COVID-19 dalam alam rumah tangga menyebabkan masalah kemurungan dan perpecahan institusi keluarga itu sendiri. Selain itu, para pencari nafkah berasa amat terbeban dengan perubahan ini kerana mereka berasa tertekan untuk menyara seluruh ahli keluarga mereka (Raffar et al., 2021; Chhabra, 2020). Hal ini sebenarnya membawa satu pengaruh yang besar dalam kehidupan suami, isteri dan juga anak-anak.

Seterusnya di antara tahun 2020 sehingga 2022, Asia Foundation bersama Merdeka Centre telah menulis bahawa antara alasan biasa yang menyebabkan kaum wanita berhenti kerja ialah menjaga ahli keluarga, membesarkan anak dan bayaran pusat asuhan yang terlalu mahal. Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Monster.com pada tahun 2018 menjelaskan bahawa hampir 75% kaum wanita terpaksa berhenti kerja kerana ketiadaan fleksibiliti manakala 60% pula bimbang akan kualiti penjagaan anak di pusat asuhan dan hampir 55% pula mengatakan bahawa ketua dan persekitaran tempat kerja yang tidak menyokong dalam menyeimbangkan kehidupan sebagai seorang pekerja dan ibu (Nina Muslim, 2022).

Selain itu masalah rumahtangga seperti pertengkaran, perpisahan dan penceraian, pergaduhan antara ahli keluarga serta penderaan emosi dan fizikal akan memberi impak kepada kaum wanita dalam menjalani kehidupan mereka (Zainora Daud, 2021). Di Perancis, sebanyak 32 peratus kes keganasan rumah tangga dilaporkan setelah seminggu pelaksanaan perintah berkurung (Mapjabil et al., 2020) manakala di negara China, dilaporkan trend peningkatan keganasan rumah tangga sebanyak 25 peratus dan ianya telah membawa kepada kes penceraian (Prasso, 2020). Hal ini jelas menunjukkan apabila kaum Wanita tidak dapat bersedia secara mental dan fizikal, maka ia akan menyumbang kepada peningkatan penceraian dalam kalangan pasangan (Majid, 2020).

Era pandemik pula telah memperlihatkan perubahan besar rutin dalam kehidupan ibu yang bekerjaya. Perubahan rutin ini telah mepengaruhi dan meletihkan emosi mereka. Beban tugas yang sedia ada telah ditambah dengan bebanan yang baru dan memerlukan kepada keseimbangan 'kerja-keluarga' (Nur Faezah Mustaphar, 2021; Wan Munira Wan Jaafar, 2022; Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, 2012; Khatijah Othman, 2021). Pada ketika itu istilah *work from office* mula digantikan dengan istilah *work from home*. Hal ini menjadi cabaran dalam kehidupan berumah tangga. Mereka juga terpaksa memberi perhatian kepada anak-anak yang tidak dapat melalui sesi persekolahan secara normal disebabkan penutupan institusi pendidikan. Guru dan pelajar tidak dapat hadir ke sekolah secara fizikal kerana menyekat interaksi sosial untuk mengurangkan penularan COVID-19. Anak-anak ini terpaksa menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR). Kaum ibu akan bertindak sebagai pengganti guru kepada anak-anak mereka (Jalani et al., 2022). Mereka juga kemudiannya dibebani dengan tugas untuk mengambil alih peranan sebagai seorang guru dan mengawasi pembelajaran di rumah anak-anak mereka dengan teliti untuk memastikan mereka memahami topik yang telah dipelajari (Jarnawi, 2020). Keadaan ini secara langsung memerlukan kaum wanita untuk kreatif dalam menguruskan hal kerjaya dan rumah tangga. Istilah *multi-tasking* dituntut bagi memastikan hal rumah tangga dan kerjaya berjalan dengan lancar. Kepelbagaian rutin yang berlaku turut sama menyumbang kepada ketidakpuasan hati, gangguan emosi dan juga akan mencetuskan tindakbalas yang negatif di dalam keluarga terutamanya.

Bekerja semasa pandemik COVID-19 merupakan satu tamparan kepada wanita bekerjaya. Hal ini kerana banyak isu dan permasalahan yang melibatkan wanita ketika mereka bekerja. Banyak laporan yang melibatkan pekerja wanita semasa bekerja seperti isu gangguan seksual, isu kesihatan mental, depresi dan lain-lain yang makin menjadi-jadi (Khairulnazrin Nasir et al., 2022). Isabelle Leong (2021) telah menulis keadaan wanita yang begitu tertekan dengan situasi pekerjaannya sehingga membawa kepada keresahan dan tekanan. Tekanan yang melampau ini menyebabkan kaum wanita berisiko untuk mengalami kemurungan. Ini dibuktikan melalui Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (2019) yang menyatakan bahawa sebanyak 2.3% populasi orang dewasa di Malaysia menderita kemurungan (Nurul Husna Shukor, 2021; Abdul Rashid Abdul Aziz et al., 2020).

Selain itu, ada juga dalam kalangan wanita yang terpaksa hidup secara perhubungan jarak jauh (PJJ) bersama pasangannya (Muhamaad Razis Ismail, 2021). Hal ini adalah sedikit memeritkan kerana semua urusan rumah tangga terletak di bahu mereka sepenuhnya. Keadaan ini membolehkan fokus dan tumpuan terhadap tugas dan aktiviti terjejas dan membawa kepada kemerosotan produktiviti kerja. Dr Lim Wai Jenn menjelaskan bahawa setiap perubahan yang berlaku dalam kehidupan boleh memberi tekanan hingga menyebabkan individu mengalami kebimbangan dan kemurungan (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020). Justeru, sokongan daripada segenap pihak hendaklah dijadikan sebagai pemangkin semangat bagi memperkasakan wanita di Malaysia mendepani era pasca COVID-19 di dalam kehidupan rumahtangga dan kerjaya mereka.

Kesimpulan

Kaum wanita pada masa kini merupakan antara penyumbang penting ke arah pertumbuhan ekonomi negara mahupun keluarga. Ini kerana mereka membantu menambahkan pendapatan suami. Secara tidak langsung kita dapat melihat perubahan peranan dan status kaum wanita ini. Wanita secara amnya akan lebih mementingkan hal ehwal keluarga walaupun mereka seorang yang bekerjaya. Ini bersesuaian dengan sifat kelembutan yang ada di dalam diri setiap wanita. Oleh itu, kaum wanita sangat-sangat memerlukan sokongan sepenuhnya dalam mencapai kejayaan yang seimbang di dalam kerjaya dan rumahtangga. Harus diakui bahawa perkara yang menjadi dilema utama kaum ini cabaran untuk mengimbangi antara urusan rumahtangga dan kerjaya. Kajian pemerksaan wanita juga harus terus dijalankan bagi mengenal pasti golongan wanita masih belum pulih sepenuhnya akibat pandemik dan bagaimana cara terbaik membantu mereka memenuhi keperluan semasa demi kelangsungan hidup.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang nama di atas bantuan dan maklum balas yang telah diberi sebelum ini. Tidak lupa juga penghargaan tertinggi kepada pihak Global Academic Excellence di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor, & Razak, N. H. A. (2020). Wabak COVID-19 : pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156–174. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Adawiyah Ismail, & Salasiah Hanin Hamjah. (2012). Kefahaman terhadap kedudukan wanita bekerjaya menurut Islam. *Jurnal Al-Hikmah*, 4, 3–14.
- ADMIN PMPW. (2019, May 12). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - IRSYAD AL-FATWA SIRI KE-304: HUKUM WANITA BERKERJAYA*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3391-irsyad-al-fatwa-siri-ke-304-hukum-wanita-berkerjaya>
- Arba'iyah Mohd Nor. (2012). Kesedaran Pendidikan Wanita Melayu Awal Abad ke-20. In Azlizan Mat Enh & Rohani Abdul Ghani (Eds.), *Wanita dan Masyarakat* (pp. 33–65). Penerbit UTHM.
- Azizah Kassim. (1985). *Wanita dan Masyarakat*. Utusan Publications & Distributors.
- Azizan Zaiduddin, & Kartini Khalid @ Aboo Talib. (2018). Konsep Mengarusperandakan Gender : Kajian Wanita dalam Pekerjaan di Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 15(1), 1–10. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42494/1/42494.pdf>

- Chhabra, S. (2020). Psychological Implications of COVID-19 Pandemic - A Wide Spectrum of Manifestations. *Journal of Evolution of Medical and Dental Sciences*, 9(33), 2386–2391. <https://doi.org/10.14260/jemds/2020/517>
- COVID-19 ragut 15 juta penduduk dunia 2020-2021 - WHO. (2022). 6 May 2022. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2022/05/952391/covid-19-ragut-15-juta-penduduk-dunia-2020-2021-who>
- Dahalan, N. N. N. (2015). *Graduan Wanita Pascasiswazah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (1992-2012): Masalah dan Cabaran*. Universiti Malaya.
- Durrisah Idrus. (1993). *Tanah dan Pertanian Orang Melayu di Negeri Sembilan 1900-1940*. Universiti Malaya.
- Fatimah Ali. (1996). Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 3, 157–190.
- Haryana Rozana Abdul Rahim. (2015). Dilema Wanita Berpendidikan Tinggi: Faktor-faktor Wanita Berhenti Kerja. *SARJANA*, 30(1), 99–117. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SARJANA/article/view/5683>
- Isabelle Leong. (2021, January 21). *Wanita lebih terkesan akibat COVID-19: Ini fokus kajian impak pandemik Ipsos*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-lebih-terkesan-akibat-covid19-ini-fokus-kajian-impak-pandemik-ipsos-279067>
- Jalani, H., Abdul Kadir, N. A., Md Nasir, M. F., Zur Raffar, I. N. A., Mohd Adnan, S. D., & Nik Dahalan, N. N. (2022). Psychological Stress of Parents during the Movement Control Order (MCO) and the Effectiveness of teaching and learning at home (PdPR). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12), 622–635. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i12/15839>
- Jamaliah Jaafar. (2020). *Penyertaan Wanita dalam Ekonomi*.
- Jarnawi. (2020). Mengelola Cemas Di Tengah Pandemi Corona. *At-Taujih : Bimbingan Dan Konseling Islam*, 3(1), 60. <https://doi.org/10.22373/taujih.v3i1.7216>
- Johan, K. (1999). Undang-Undang Melaka: Reflections on Melaka Society in Fifteenth-Century Malacca. *JMBRAS*, 2(172).
- Khatijah Othman. (2021). Cabaran dan Impak Pandemi Covid-19 Terhadap Institusi Kekeluargaan di Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14(December 2021), 187–196.
- Majid, M. A. (2020, June 7). *Realiti dan Cabaran Dihadapi Pengurus Rumah Tangga Semasa PKP I*. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). <https://docplayer.info/191556742-Pendahuluan-realiti-dan-cabaran-dihadapi-pengurus-rumah-tangga-semasa-pkp-i-1.html>
- Mapjabil, J., Kanyo, N., Hussin, R., Rahman, B. A., Estim, A., Eranza, D. R. D., Rahim, A. H. A., & Jetendra, M. H. (2020). Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan Kesan Penularan Pandemi Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau: Suatu Tinjauan Literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32 (October,2020)), 108–120.
- Muhamaad Razis Ismail. (2021, July 5). *Wanita lebih terbeban*. My Metro. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/07/726575/wanita-lebih-terbeban>
- Muslim, N. (2022). *EKONOMI BERANSUR PULIH, MALANGNYA JUMLAH TENAGA KERJA WANITA MEROSOT*. BERNAMA. https://www.bernama.com/bm/b_fokus/news.php?id=2098568
- Nasir, K., Zaman, R. K., Abd. Azid, M. A., & Hussain, A. A. (2022). Etika Kerja Wanita Dalam Mendepani Cabaran Di Era Pandemi: Adaptasi Kisah Dua Orang Gadis Madyan. *Islamiyyat*, 44(2), 53–63. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-4402-04>

- Noor Rahamah Hj. Abu Bakar. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 151–162.
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2020). Mengurus emosi, mental ketika PKP. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/sihat/2020/05/573954/mengurus-emosi-mental-ketika-pkp>
- Nur Faezah Mustaphar. (2021). Peranan Wanita dalam Pembangunan Institusi Keluarga: Cabaran Pademik Covid 19. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 61–73.
- Nur Hidayah Muhamad Johari. (n.d.). *Kelebihan Wanita Bekerjaya, Kebaikan Wanita Surirumah*.
- Nurul Husna Shukor. (2021, June 24). *Peningkatan kes Covid-19 tambah pesakit mental - Utusan Malaysia*. Utusan. <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/06/peningkatan-kes-covid-19-tambah-pesakit-mental/>
- Prasso, S. (2020, March 31). *Divorce Rate After Coronavirus Quarantine in China Is Warning - Bloomberg*. <https://www.bloomberg.com/news/articles/2020-03-31/divorces-spike-in-china-after-coronavirus-quarantines>
- Raffar, I. N. A. Zur, Dahalan, N. N. N., Adnan, S. D. M., Nasir, M. F. M., Jalani, H., & Kadir, N. A. A. (2021). Methods of Overcoming Parental Psychological Stress in Children's Education During the Period of Movement Control Order (MCO). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 57–67.
- Tracy Soidi, & Agnis Sombuling. (2016). Hubungan Di Antara Konflik Kerja Dan Keluarga Dengan Kepuasan Keibubapaan Dalam Kalangan Ibu Bekerja. *Hubungan Di Antara Konflik Kerja Dan Keluarga Dengan Kepuasan Keibubapaan Dalam Kalangan Ibu Bekerja*, January.
- Wan Munira Wan Jaafar. (2022, May 9). *Wujudkan entiti khas bantu wanita bangkit pasca pandemik*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/05/953298/wujudkan-entiti-khas-bantu-wanita-bangkit-pasca-pandemik>
- Yun, H. A., & Talib, R. (1986). *Women and Work in Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Za'ba. (1952). *Ilmu Mengarang Melayu*. Tiger Press.
- Zainora Daud. (2021). Pengurusan Stres Ketika Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian Era COVID-19. *7th International Conference on QURan as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, 591–600.